

Pas tandiing semua kerusi di Kelantan

KOTA BHARU, Khamis — PAS akan meletakkan calonnya bertanding di semua 36 kerusi Dewan Undangan Negeri dan 12 kawasan Parlimen di Kelantan dalam pilihanraya umum akan datang.

Timbalan Pesuruhjaya PAS Kelantan, Ustaz Khaidir Khatib, memberitahu hari ini, "Perhubungan PAS Kelantan akan membutirkan nama-nama calon itu selepas pembubaran Dewan Undangan Negeri dan Parlimen."

Menurut beliau, calon-calon parti itu akan terdiri dari para cerdik pandai, tokoh-tokoh agama dan golongan muda.

PAS pada masa ini hanya mempunyai 2 wakil di Dewan Undangan Negeri iaitu Ustaz Nik Abdullah Arshad (Sering) dan Haji Wan Abdullah Wan (Manik Urai) dan dua wakil Parlimen bagi kawasan Bachok, Haji Mohamad Zain Abdullah dan Ustaz Haji Nik

Aziz Nik Mat, Pangkalan Chepa.

Ustaz Khaidir berkata manifesto pilihanraya telah dirangka dan dibincang oleh Perhubungan PAS Kelantan, tinggal lagi untuk dikemukakan kepada Jawankuasa Agung Parti bagi mendapat keputusan muktamad.

Muktamad

Katanya, jawatankuasa pilihanraya parti peringkat parlimen, negeri dan kawasan telah dan sedang dilaksanakan di setiap bahagian parti dan dijangka selesai akhir bulan ini.

Kepada satu pertanyaan, Ustaz Khaidir menegaskan, PAS sebagai parti politik sentiasa bersiap sedia bukan sahaja untuk menghadapi pilihanraya, malah kemungkinan dan perkembangan politik semasa.

Mengenai soal kewangan, beliau menyatakan, PAS tidak

mempunyai kewangan yang besar dalam menghadapi pilihanraya umum, sehinggakan cawangan-cawangan dan kawasan-kawasan berdikari dalam masalah ini.

Dalam urusan membuat poster dan kain pembidang pun, tambah Ustaz Khaidir, pihak kawasan menyumbangkan kewangan kepada Perhubungan PAS Negeri.

Ustaz Khaidir meramalkan pilihanraya umum akan diadakan dalam bulan April.